



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA **KENYATAAN MEDIA**

BIL.65/2019

MAJLIS FORUM MAKE A CHANGE, LET'S DO IT TOGETHER

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menganjurkan forum sebegini sebagai wadah perbincangan yang membincangkan tajuk-tajuk yang tertumpu kepada isu-isu pilihan raya dan politik semasa di Malaysia.
2. Selepas PRU Ke-14, rakyat menaruh harapan tinggi kepada SPR untuk melihat pembaharuan dan transformasi dalam memastikan amalan demokrasi di negara kita terus subur. Ia selari dengan Konsep Malaysia Baharu yang menjamin ketelusan dan kemodenan pilihan raya.
3. Selari dengan perkembangan teknologi, masyarakat semakin terdedah dengan pelbagai stigma dan persepsi terhadap badan pengurusan demokrasi sehingga membawa kepada hilangnya keyakinan terhadap proses pilihan raya dan memberikan impak yang kurang baik kepada SPR. Melalui penganjuran forum ini, rakyat dapat menilai peranan dan serta fungsi SPR secara telus dalam proses perjalanan pilihan raya di Malaysia.
4. Sebagai makluman, Dewan Rakyat baru sahaja meluluskan pindaan Perlembagaan Persekutuan iaitu untuk melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik. Namun bagi tujuan pelaksanaannya SPR perlu membuat perubahan terhadap prosedur, peraturan dan sistem sedia ada sebelum ia

boleh dilaksanakan sepenuhnya. Jika diteliti situasi pendaftaran pemilih sebelum had umur pemilih diturunkan ke 18 tahun, di antara faktor ramai warganegara yang layak tapi tidak mendaftar sebagai pemilih adalah kerana kaedah pendaftaran pemilih sedia ada dilihat kurang sesuai dimana mereka perlu hadir sendiri untuk mendaftar dan ianya dilihat kurang praktikal dan tidak selari dengan perkembangan teknologi semasa.

5. Perubahan perlu dilakukan mengikut trend kemajuan teknologi dan SPR mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan aplikasi MySPR Daftar yang dibangunkan bagi memudahkan urusan pendaftaran pemilih dan mempermudahkan permohonan tukar bahagian pilihan raya kepada pemilih yang telah menukar alamat bermastautin mereka dalam kad pengenalan masing-masing. Ianya boleh dilakukan secara online pada bila-bila masa dan mana-mana saja dengan menggunakan telefon pintar mahupun tablet. Ini ternyata memudahkan dan menjimatkan masa berbanding kaedah konvensional.

6. SPR berharap seluruh warganegara terutamanya golongan muda yang masih belum mendaftar supaya segeralah berdaftar dan bagi yang sudah mendaftar pula, SPR sentiasa berusaha untuk memastikan keselesaan kepada pengundi pada hari pengundian. Sebagai warganegara, adalah penting untuk setiap rakyat untuk mengambil bahagian terhadap proses demokrasi ini dengan menunaikan tanggungjawab mereka dalam memilih pemimpin dan parti yang akan membentuk Kerajaan.

7. Selepas pilihan raya umum ke-14, kajian dan cadangan-cadangan penambahbaikan telah dibuat oleh Jawatankuasa Reformasi Institusi (*Institutional Reform Committee*). Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan

Raya (ERC) yang telah diberi mandat mengkaji sistem dah undang-undang pilihan raya serta membuat cadangan penambahbaikan yang bersesuaian.

8. SPR turut mengumumkan Pelan Reformasi Pilihan Raya, dimana SPR telah menubuhkan enam Jawatankuasa Dasar yang diketuai oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli SPR. Jawatankuasa-jawatankuasa ini ialah Jawatankuasa Persempadanan Pilihan Raya, Jawatankuasa Pendaftaran Pemilih, Jawatankuasa Pengundi Tidak Hadir, Jawatankuasa Kesalahan Pilihan Raya, Jawatankuasa Proses Pilihan Raya dan Jawatankuasa Suruhanjaya Pilihan Raya. Sebagai makluman, maklumat-maklumat berhubung senarai ahli Jawatankuasa dan skop tugasannya Jawatankuasa Dasar boleh diperolehi melalui laman portal SPR.
9. Penubuhan Jawatankuasa Dasar Penambahbaikan Operasi SPR selaras dengan reformasi pilihan raya dimana ERC dan SPR komited untuk menjalinkan kerjasama yang erat dalam mengkaji dan meneliti aspek-aspek pembaharuan, penambahbaikan yang melibatkan urusan operasi, struktur di antara ERC dan SPR.
10. SPR mengalu-alukan idea serta cadangan penambahbaikan dan menjemput semua pihak membuat perubahan bersama-sama SPR selaras dengan moto *Make A Change, Let's Do It Together*.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 18 Julai 2019 / 15 Zulkaedah 1440H